

05/03/2003

Pemimpin Islam diseru tolak ketidakadilan

Kadir Dikoh

DOHA: Malaysia dijangka mengambil kesempatan pada Sidang Kemuncak Tergempar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini, hari ini, untuk meminta semua negara Islam bersatu menentang ketidakadilan dunia dalam menangani krisis Iraq dan konflik Palestin.

Malah, permuafakatan yang dicapai pada Sidang Kemuncak Pergerakan Negara

Berkecuali (NAM) ke-13 dan hasil mesyuarat tidak rasmi OIC, kedua-duanya di Kuala Lumpur minggu lalu, dijangka turut diulangi untuk penerimaan atau

difikirkan pada sidang tergempar OIC yang dianggotai 57 negara.

Sumber diplomatik di sini memberitahu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempengerusikan kedua-dua mesyuarat di Malaysia itu, mungkin menggunakan kesempatan berucap untuk memberi penekanan kepada tindakan bersepadu bagi menangani dua isu terbabit yang menyentuh nurani jutaan umat Islam sejagat.

Perdana Menteri yang tiba di bandar raya Doha malam tadi, juga dijangka

menyatakan pendirian tegas dan mengulangi seruan supaya sebarang tindakan

ketenteraan ke atas Iraq mesti dielakkan dan pada masa yang sama mahukan konflik Palestin diselesaikan segera.

Menurut sumber itu, ucapan Dr Mahathir pada sidang berkenaan akan menekankan kepada persetujuan yang dicapai pada Sidang Kemuncak NAM terutama kenyataan berasingan mengenai Iraq dan Palestin selain Deklarasi

Kuala Lumpur.

Pernyataan mengenai Iraq antara lain bertujuan menghindarkan peperangan,

menggesa negara itu supaya mematuhi Resolusi Majlis Keselamatan PBB dan resolusi lain yang berkaitan, untuk melucutkan senjata.

Sumber itu berkata, langkah itu amat penting untuk membuka laluan bagi penyelesaian yang komprehensif dan aman terhadap semua isu tertanggung antara Iraq dan PBB dengan mengambil kira kebimbangan semua pihak yang menerima kesannya, termasuk jiran Iraq.

Pemimpin NAM dalam pernyataan mengenai isu Palestin, mendesak pengunduran

serta merta tentera Israel dari wilayah Palestin pada kedudukan sebelum September 2000 serta melahirkan kebimbangan terhadap kemusnahan dan kerosakan berterusan yang dilakukan rejim Yahudi itu.

Sumber itu berkata, Dr Mahathir dijangka membuat saranan supaya pemimpin

OIC merapatkan kerjasama di antara negara Islam supaya tindakan bersepadu

berdasarkan "satu nada suara" mampu mengkotak-katikkan kebongkakan Amerika

Syarikat.

"Malaysia komited kepada langkah multilateral (pelbagai hala), bukan unilateral (bersendirian) dalam penyelesaian konflik antara negara. Dr

Mahathir sebelum ini kerap menyatakan bahawa sebarang tindakan unilateral dan menyerang Iraq, akan mencetuskan lebih banyak kemarahan masyarakat Islam sejagat.

"Seruan itu sekali lagi dijangka disuarakan Perdana Menteri pada sidang tergempar OIC ini. Ini kerana serangan ke atas Iraq juga memberi kesan ekonomi sejagat dan boleh mengorbankan banyak nyawa yang tidak berdosa," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir juga dijangka mahukan tindakan susulan hasil daripada mesyuarat tidak rasmi OIC di Kuala Lumpur Rabu lalu yang mahukan umat Islam bersatu kerana jika tidak, ia akan terus menjadi lemah.

Bagaimanapun kata sumber itu, isu kemungkinan penggunaan minyak sebagai senjata bagi menghalang serangan ke atas Iraq dijangka tidak dibincangkan pada sidang tergempar itu meskipun pada mesyuarat tidak rasmi OIC di Kuala Lumpur, pemimpinnya mencapai konsensus untuk mengkaji kemungkinan itu.

Langkah itu tidak dipersetujui Arab Saudi dan Kuwait. Lebih separuh daripada minyak dunia dikeluarkan di negara anggota OIC seperti Arab Saudi, Iraq, Iran, Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia.

Pertemuan tidak rasmi OIC di Kuala Lumpur dihadiri 48 daripada 57 negara anggota termasuk 20 ketua negara dan kerajaan.

Bagaimanapun, pada sidang kemuncak tergempar OIC hari ini, sekurang-kurangnya 10 ketua kerajaan termasuk Malaysia, Somalia dan Yemen, hadir. Yang lain ialah menteri luar.

Iraq juga memutuskan untuk menghantar wakilnya ke sidang itu, tetapi agensi berita Iraq, INA tidak menyebut siapa akan dihantar Baghdad.

Sementara itu, sidang sehari ini juga dijangka tidak membincangkan cadangan Emiriyah Arab Bersatu (UAE) supaya Presiden Saddam Hussein meletak jawatan bagi mengelak serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq.